

SALBUTAMOL

A. APAKAH KEGUNAAN UBATINI?



- Ubat ini digunakan sebagai pelega dalam rawatan penyakit lelah atau COPD.

B. BAGAIMANA UBATINI BERTINDAK?

- Ubat ini bertindak meluaskan salur pernafasan.

C. BAGAIMANA UBATINI DIGUNAKAN?

A. CARA GUNA

Tablet / Sirup


- Sila ambil ubat seperti yang diarahkan oleh doktor anda.
- Telan dengan air semasa perut kosong, 1 jam sebelum atau 2 jam selepas makan.




C. BAGAIMANA UBAT INI DIGUNAKAN?

✚ Inhaler


- 1) Tanggalkan penutup inhaler



- 2) Goncang inhaler sebelum setiap semburan
- 3) Pegang inhaler dengan corong sedut menghala ke bawah



- 4) Hembus nafas sebanyak yang mungkin untuk mengeluarkan udara daripada paru-paru.
- 5) Letak corong sedut di dalam mulut dan tutup mulut supaya ia meliputi corong sedut tersebut
- 6) Tekan hujung inhaler ke bawah sehingga habis sambil menarik nafas dengan dalam dan perlahan-lahan melalui mulut.



- i.
- 7) Berhenti menekan inhaler sebaik sahaja selepas ubat keluar dari corong sedut.

C. BAGAIMANA UBATINI DIGUNAKAN?

- 8) Selepas menarik nafas sepenuhnya, keluarkan inhaler dan tutup mulut.
- 9) Tahan nafas selama yang boleh, sehingga sepuluh saat kemudian bernafas seperti biasa.
- 10) Sekiranya perlu mengambil dos yang seterusnya, tunggu 1 minit dan guncang inhaler tersebut sekali lagi.
- 11) Ulang langkah yang sama seperti di atas.
- 12) Pasangkan semula penutup pada corong sedut setiap kali selepas menggunakan inhaler.

B. JIKA TERLUPA

- ⊕ Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda ingat. Tetapi sekiranya telah hampir waktu untuk dos seterusnya, tinggalkan dos tersebut dan kembali kepada jadual asal.
- ⊕ Jangan gandakan dos ubat untuk menggantikan dos yang terlupa.

C. BAGAIMANAKAH ANDA PERLU MENYIMPAN UBATINI?

- ⊕ Simpan ubat di dalam bekas yang tertutup pada suhu bilik, jauh daripada haba, cahaya matahari dan kelembapan. Jangan dibekukan.
- ⊕ Untuk inhaler :
 - Simpan dengan corong sedut menghala ke bawah
 - Jangan menebuk lubang pada kanister atau membuangnya ke dalam api, walaupun kanister telah kosong.

D. PERINGATAN !!!



➤ SEBELUM MENGAMBIL UBAT INI

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- Mempunyai penyakit diabetes, pastikan anda memantau paras gula darah dengan tetap kerana ubat ini boleh menyebabkan paras gula darah meningkat.

➤ SEMASA MENGAMBIL UBAT INI

Maklumkan kepada doktor jika anda;



- Mengalami sebarang reaksi alergi seperti ruam kulit, bengkak.
- Maklumkan doktor anda sekiranya sesak dada yang anda alami menjadi lebih teruk atau jika ubat yang digunakan tidak berkesan seperti sebelumnya.
- Maklumkan doktor anda jika anda sedang menyusu, hamil atau merancang untuk hamil.

AMARAN !!

**SEKIRANYA
TANDA-
TANDA INI
BERLARUTAN
SILA
RUJUK
DOKTOR**

E. KESAN SAMPING UBAT

- Pesakit mungkin akan mengalami kesan-kesan berikut:
 - Terketar-ketar (terutama tangan),
 - Berdebar-debar, jantung berdegup pantas,
 - Pening atau sakit kepala,
 - keletihan, loya dan mulut kering.

- Pesakit perlu melaporkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya mengalami kesan seperti berikut:
 - Hipokalemia boleh terjadi semasa menggunakan ubat ini. Tanda-tanda ialah air kencing berkurang, peningkatan rasa haus, denyutan jantung tidak teratur, hilang selera makan, perubahan mood, sakit atau kejang otot, loya atau muntah, kebas pada tangan, kaki atau bibir, sesak nafas atau keletihan yang luar biasa.

Rujukan:

- Drugs.com
- BNF 70
- Sisipan maklumat ubat

Sebarang pertanyaan mengenai ubat-ubatan, sila hubungi Jabatan Farmasi, Hospital Universiti Sains Malaysia. 09-7673000 sambungan:

Unit Farmasi Klinikal dan Maklumat Drug : 3384/3386

Unit Farmasi Pesakit Luar : 3393/3394
